

10. Emak membelikan saya se_____ majalah sukan dan se_____ roti semasa dalam perjalanan pulang ke kampung.
- A buku ... sekeping C buah ... biji
- B naskhah ... buku D naskhah ... gulung



Latihan Berbentuk Peperiksaan

A. Pilih jawaban yang paling sesuai.

1. Setiap buah pendapat yang dikemukakan akan diberikan perhatian oleh majikan kilang itu.
A Setiap pendapatan
B Setiap pendapat-pendapat
C Setiap pendapat
D Setiap buah pendapat
2. Semua orang peserta menunggu keputusan pertandingan dengan berdebar-debar.
A Semua peserta-peserta
B Semua peserta
C Para peserta-peserta
D Semua orang peserta
3. Beberapa orang pelajar telah mengemukakan sebuah idea yang bernas dalam perbincangan itu.
A kemukakan idea
B mengemuka idea
C mengemukakan idea
D mengemukakan sebuah idea
4. Beberapa pucuk rebung dimasukkan ke dalam masakan gulai daging itu.
A Berapa pucuk rebung
B Beberapa rincih rebung
C Beberapa batang rebung
D Beberapa pucuk rebung
5. Emak memasukkan segenggam garam dalam masakan untuk hidangan kami sekeluarga.
A memasukkan secubit
B memasuki sejempit
C memasukan seketul garam
D memasukkan segenggam
6. Setiap orang daripada anggota masyarakat harus memberikan sokongan mereka.
A Tiap-tiap daripada anggota
B Setiap daripada orang anggota
C Setiap orang dari anggota
D Setiap orang daripada anggota
7. Kejadian keracunan itu berlaku di kedua buah sekolah secara serentak.
A di kedua-dua buah sekolah
B di kedua-dua sekolah
C di dua-dua buah sekolah
D di kedua buah sekolah
8. Sesetengah orang pembeli tidak suka tawar-menawar ketika berbelanja di pasar.
A Setengah-setengah pembeli
B Setengah-tengah pembeli
C Setengah-setengah orang pembeli
D Sesetengah orang pembeli

9. Beliau dianugerahkan sebutir pingat kebesaran sempena hari keputeraan baginda di istana.
- | | |
|--------------------------------------|---------------------------------------|
| A dianugerahi sebutir pingat | C dianugerahi sebiji pingat |
| B dianugerahkan sebuah pingat | D dianugerahkan sebutir pingat |
10. Pengantin itu kelihatan anggun apabila mengenakan sepersalinan pakaian berwarna merah jambu.
- | | |
|--------------------------------|----------------------------------|
| A mengenai sepersalinan | C mengenakan sepasang |
| B mengenakan sesalinan | D mengenakan sepersalinan |